يونيورسيتي سلطان زين العابدين
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
ILMU DEMI FAEDAH INSAN

Pejabat Pendaftar | Office of The Registrar

Rujukan Kami : UniSZA.P/2/PP/604-2 (48)
Bertarikh : 29 Oktober 2013

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Semua Staf
Universiti Sultan Zainal Abidin

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 5/2013
PENGGUNAAN LOGO BARU UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan selaras dengan proses transformasi dan penjenamaan semula UniSZA, pihak Pengurusan telah bersetuju untuk memperkenalkan logo baru universiti bersesuaian dengan nama kesultanan yang diguna pakai. Penambahbaikan imej korporat ini diharap dapat membantu memperkasa dan meningkatkan lagi martabat UniSZA sebagai sebuah IPTA.

3. Sehubungan dengan itu, logo baru tersebut hendaklah diguna pakai seperti di kepala surat (*letterhead),* sampul surat, serta lain-lain bahan bercetak keluaran universiti. Sumber rasmi bagi mendapatkan *soft copy* logo baru UniSZA boleh diperolehi daripada Pusat Reka Bentuk Dan Multimedia dimuat turun melalui laman sesawang Pejabat Pendaftar di alamat www.pendaftar.edu.my.

4. Penggunaan logo baru ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, semoga berada dalam perhatian dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

"Pengurusan Mesra dan Efektif"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

NORDIN BIN JUSOH
Pendaftar

s.k
- Naib Canselor
- Semua Timbalan Naib Canselor
- Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat)
- Pemangku Bendahari
- Penasihat Undang-Undang